



GARIS PANDUAN SKIM GERAN PENYELIDIKAN RESEARCH ACCULTURATION COLLABORATIVE EFFORT (RACE)

PINDAAN TAHUN 2012



SENARAI KANDUNGAN

BIL	TAJUK	MUKASURAT
1.0	Skim Geran Research Acculturation Collaborative Effort (RACE)	3
2.0	Skop dan Bidang Penyelidikan	3
3.0	Syarat-syarat Permohonan	3
4.0	Peraturan Permohonan	4
5.0	Kriteria Penilaian	5
6.0	Peraturan Kewangan	5
7.0	Hasil Penyelidikan	7
8.0	Hasil Pengkomersilan	7
9.0	Pengumuman Tarikh Buka dan Tutup Permohonan	7
10.0	Penilaian Skim Geran RACE	8
11.0	Pemberitahuan Keputusan dan Pengagihan Peruntukan	8

1.0 SKIM GERAN RESEARCH ACCULTURATION COLLABORATIVE EFFORT (RACE)

- 1.1 RACE merupakan inisiatif baharu yang ditubuhkan bagi menggembeng usaha kerjasama secara kolektif antara Universiti berstatus RU dengan membantu universiti bukan-RU untuk meningkatkan budaya penyelidikan dan seterusnya dapat meningkatkan output hasil penyelidikan merangkumi penerbitan, penemuan inovasi / IP, geran penyelidikan, bilangan PI dan sebagainya.
- 1.2 Inisiatif RACE ini dapat mempercepatkan universiti bukan-RU untuk mencapai tahap setanding dengan RU dengan cara;
 - a. Membantu dan melengkapkan Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia (KPT) meningkatkan budaya penyelidikan dalam kalangan Bukan-RU.
 - b. Mewujudkan rangkaian kerjasama antara semua IPTA melalui program / projek penyelidikan usahasama dan perkongsian fasiliti penyelidikan.
 - c. Mengguna sama peruntukan geran penyelidikan bagi penghasilan output yang bersifat multidisiplin.
 - d. Menjadi pelantar kepada Bukan-RU untuk mempercepatkan peningkatan hasil penyelidikan.
 - e. Sebagai pelengkap ekosistem penyelidikan pengajian tinggi negara.

2.0 SKOP DAN BIDANG PENYELIDIKAN

- 2.1 Pembiayaan geran RACE untuk projek penyelidikan meliputi bidang-bidang asas yang dapat menyokong agenda strategik negara. Bidang-bidang yang dikenalpasti adalah:-
 - a. Sains Tulen (*Pure Science*)
 - b. Sains Gunaan (*Applied Science*)
 - c. Teknologi dan Kejuruteraan (*Technology and Engineering*)
 - d. Sains Kesihatan dan Klinikal (*Clinical and Health Sciences*)
 - e. Sains Sosial (*Social Sciences*)
 - f. Sastera dan Sastera Ikhtisas (*Arts and Applied Arts*)
 - g. Sains Tabii dan Warisan Negara (*Natural Sciences and National Heritage*)
 - h. Pertahanan dan Keselamatan (*Defense and Security*)

3.0 SYARAT-SYARAT PERMOHONAN

- 3.1 Skim ini terbuka kepada kakitangan akademik IPTA dengan syarat-syarat berikut:
 - a. Warganegara Malaysia.
 - b. Kakitangan akademik tetap (Profesor, Profesor Madya, Pensyarah Kanan, Pensyarah).
 - c. Bagi kakitangan bertaraf kontrak, termasuk bukan warganegara, dimestikan mempunyai penyelidik bersama warganegara Malaysia yang bertaraf tetap.
- 3.2 Permohonan geran ini dibuka kepada Universiti Bukan RU untuk mentransformasikan bukan RU ke arah peningkatan pembudayaan penyelidikan.

- 3.3 Pemohon perlu mengemukakan bukti menjalankan kolaborasi dengan IPTA yang lain bagi projek yang dipohon.
- 3.4 Pemohon berjawatan Pensyarah / Pensyarah Kanan dari Universiti Bukan-RU perlu mempunyai ahli projek / berkolaborasi dengan penyelidik yang lebih senior di kalangan Profesor / Profesor Madya dari Universiti RU.
- 3.5 Permohonan dari Universiti Cawangan perlu mematuhi syarat-syarat berikut:-
- a. Ketua Penyelidik boleh bukan warganegara Malaysia dengan syarat penyelidik bersama mestilah warganegara Malaysia.
 - b. Geran penyelidikan mestilah digunakan dalam negara.
- 3.6 Pemohon hanya dibenarkan menjadi Ketua Penyelidik bagi satu projek dan hanya satu permohonan projek sahaja akan diperakukan pada setiap fasa.
- 3.7 Setiap Projek Penyelidikan yang dipohon diharap dapat melahirkan modal insan dalam penyelidikan seperti mana yang termaktub dalam PSPTN. Sehubungan dengan itu, bagi:-
- a. Projek tiga (3) tahun:
Melatih sekurang-kurangnya seorang (1) pelajar Ph.D atau dua (2) orang pelajar Sarjana atau gabungan keduanya.
 - b. Projek dua (2) tahun:
Melatih sekurang-kurangnya seorang (1) pelajar Sarjana.
- 3.8 Pensyarah yang bercuti belajar tidak dibenarkan menjadi Ketua Penyelidik. Walau bagaimanapun, beliau boleh menjadi ahli dalam kumpulan penyelidikan.
- 3.9 Ketua Penyelidik yang berpindah universiti hendaklah melepaskan kedudukan sebagai ketua. Walau bagaimanapun, beliau boleh kekal sebagai ahli dalam kumpulan penyelidikan berkenaan.

4.0 PERATURAN PERMOHONAN

- 4.1 Pemohon perlu mengisi **Borang RACE (R1)- Borang Permohonan Skim RACE** yang terkini dari pihak Sekretariat RACE Universiti Putra Malaysia yang boleh dimuat turun melalui laman web <http://www.rmc.upm.edu.my>.
- 4.2 Semua permohonan hendaklah dinilai dan diperakukan oleh Pengarah Pusat Pengurusan Penyelidikan (RMC) universiti masing-masing. Laporan penilaian hendaklah dikemukakan kepada pihak Urus Setia RACE bersama-sama borang permohonan tersebut. Hanya permohonan yang disokong oleh pihak RMC IPT sahaja yang perlu dihantar ke Sekretariat RACE Universiti Putra Malaysia.

5.0 KRITERIA PENILAIAN

- 5.1 Penyelidikan yang dipohon mestilah merupakan penyelidikan yang dapat menghasilkan suatu idea/teori/konsep/kaedah/model/proses baru; dan
- 5.2 Penyelidikan yang dapat menambahbaik sesuatu polisi, metodologi dan model penyelesaian yang sedia ada; atau
- 5.3 Penyelidikan yang merangkumi isu-isu kemanusiaan dan kemasyarakatan bagi tujuan peningkatan nilai kehidupan dalam negara dan sejagat; atau
- 5.4 Penyelidikan yang berpotensi untuk menyumbang kepada agenda strategik negara.

6.0 PERATURAN KEWANGAN

6.1 **Vote 11000**

Upah dan Elaun untuk Pembantu Penyelidik Siswazah (GRA)

- a. Upah dan elaun untuk membiayai Pembantu Penyelidik Siswazah (GRA) sahaja. Siling upah dan elaun tidak melebihi RM2000 untuk pelajar Ph.D dan RM1500 untuk pelajar sarjana atau mengikut garis panduan IPT.

6.2 **Vote 21000**

Perjalanan dan Pengangkutan

- a. Perbelanjaan merangkumi semua perjalanan dan pengangkutan domestik yang berkaitan dengan projek.
- b. Perjalanan ke luar negara (berdasarkan kepada kelulusan Jawatankuasa Penilaian) perlu memenuhi kriteria di bawah:-
 - Perjalanan ke luar negara dibenarkan tertakluk kepada kecukupan geran yang telah dipohon. Hanya ketua penyelidik sahaja yang dibenarkan bagi tujuan tersebut. Pembantu penyelidik hanya dibenarkan untuk mengikuti persidangan, seminar atau bengkel yang berkaitan dengan penyelidikan mereka di dalam negara sahaja.
 - Perjalanan ke luar negara yang dibenarkan ialah yang bertujuan untuk menghadiri persidangan/ seminar/bengkel/kolokium untuk membentangkan hasil penyelidikan.
 - Destinasi perjalanan tersebut mestilah merupakan tempat yang paling sesuai dan ekonomikal dari segi kemudahan, kepakaran dan pindahan teknologi.
 - Perjalanan ke luar negara mestilah juga mengikut peraturan IPT masing-masing.

- c. Untuk menghadiri persidangan dan lain-lain aktiviti selain kerja lapangan, sebanyak **RM10,000 atau 20%** dari jumlah peruntukan projek dibenarkan atau yang mana lebih kecil.
- d. Jumlah perbelanjaan untuk perjalanan tidak boleh melebihi 40 peratus (40%) daripada jumlah keseluruhan projek.

6.3 Vote 24000
Sewaan

- a. Sewaan hanya dibenarkan untuk bangunan, peralatan, pengangkutan dan barangan lain yang terlibat secara langsung dengan penyelidikan.

6.4 Vote 27000
Bekalan dan Bahan Penyelidikan

- a. Hanya perbelanjaan yang berkaitan dengan penyelidikan sahaja dibenarkan.

6.5 Vote 28000
Baik pulih kecil dan ubahsuai

- a. Hanya perbelanjaan untuk baik pulih dan pengubahsuaian yang kecil terhadap bangunan, makmal, peralatan atau lain-lain barang yang berkaitan dengan penyelidikan dibenarkan.
- b. Kos penyelenggaraan peralatan sedia ada semasa projek dilaksanakan adalah dibenarkan. Selepas projek selesai kos penyelenggaraan ini tidak akan ditanggung lagi oleh Geran ini.

6.6 Vote 29000
Perkhidmatan Ikhtisas

- a. Vote ini meliputi lain-lain perkhidmatan termasuk percetakan, hospitaliti, honorarium, perkhidmatan profesional, konsultasi, penggunaan komputer, pemprosesan data dan lain-lain perkhidmatan yang berkaitan dengan projek penyelidikan.

Perkhidmatan Khas / Belanja Pakai Habis

- a. Perbelanjaan perkhidmatan khas merangkumi kos menghadiri kursus, program sangkutan jangka pendek (sekali (1) sahaja) untuk mempelajari teknik - teknik khusus yang berkaitan dengan projek penyelidikan. Tempoh yang dibenarkan adalah tidak melebihi tiga (3) bulan. Jumlah perbelanjaan pula tidak melebihi 10% dari peruntukan Geran.

6.7 **Vote 35000**
Aksesori dan Peralatan

- a. Hanya pembelian peralatan **kecil** dan aksesori (termasuk meningkatkan keupayaan peralatan sedia ada) yang berkaitan dengan projek penyelidikan dibenarkan. Jumlah yang dipohon pula tidak melebihi 40% dari peruntukan geran. Sila beri senarai dan justifikasi alat yang dipohon.

7.0 HASIL PENYELIDIKAN

7.1 Penerbitan

- a. Semua penyelidik mesti menerbitkan sekurang-kurangnya tiga (3) penerbitan dalam jurnal berindeks sitasi. Penghargaan kepada geran RACE mestilah dinyatakan dengan jelas dalam setiap penerbitan.

7.2 Hak Harta Intelek

- a. Bagi projek yang dibiayai oleh geran RACE, penyelidik digalakkan untuk memohon pendaftaran Harta Intelek di dalam negeri dahulu sebelum ke peringkat antarabangsa. Harta Intelek hasil geran RACE menjadi hak milik bersama Kerajaan Malaysia dan IPT.
- b. Pengurusan Harta Intelek adalah menjadi tanggungjawab IPT.

8.0 HASIL PENGKOMERSILAN

- 8.1 Hasil pengkomersilan dari projek penyelidikan yang dibiayai oleh geran RACE dan sumber lain hendaklah dikongsi bersama mengikut pecahan pembiayaan geran dan sumbangan dalam bentuk lain bagi projek tersebut.
- 8.2 Untuk IPTA, hasil pengkomersilan perlulah diagihkan mengikut Polisi Pengkomersilan sedia ada.
- 8.3 Untuk IPTS, perincian hak milik pengkomersilan hendaklah dipersetujui dalam klausa kontrak.

9.0 PENGUMUMAN TARIKH BUKA DAN TUTUP PERMOHONAN

9.1 Tarikh Buka dan Tutup Permohonan

- a. Pihak Sekretariat RACE akan memaklumkan tarikh buka dan tutup permohonan Skim Geran RACE melalui surat rasmi kepada IPT.

10.0 PENILAIAN SKIM GERAN RACE

- 10.1 Permohonan Skim Geran RACE akan dinilai oleh Jawatankuasa Penilaian mengikut bidang-bidang yang telah ditetapkan. Jawatankuasa ini diketuai oleh seorang Pengerusi dan dianggotai oleh beberapa orang Ahli Jawatankuasa yang diiktiraf sebagai pakar dalam bidang masing-masing.
- 10.2 Pengerusi-pengerusi bagi setiap Jawatankuasa akan memperakukan permohonan projek yang telah dinilai kepada Jawatankuasa Induk Skim Geran RACE yang dipengerusikan oleh Pengerusi RACE untuk diluluskan.
- 10.3 Penilaian oleh Jawatankuasa Penilaian adalah berdasarkan kepada syarat, peraturan dan kriteria yang tersebut di atas serta lain-lain Garis Panduan JPT, Kementerian Pengajian Tinggi.

11.0 PEMBERITAHUAN KEPUTUSAN DAN PENGAGIHAN PERUNTUKAN

- 11.1 Surat kelulusan Projek akan disampaikan kepada Naib Canselor IPT dan sesalinan surat kelulusan akan dimajukan kepada Pusat Pengurusan Penyelidikan IPT.
- 11.2 Pembayaran akan dibuat oleh Sekretariat RACE kepada IPT setelah surat kelulusan RACE dikeluarkan berdasarkan jumlah peruntukan yang diluluskan Jawatankuasa Induk RACE.

Sebarang pertanyaan/maklumat tambahan boleh diajukan kepada:

SEKRETARIAT RACE

Pusat Pengurusan Penyelidikan
Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)
Universiti Putra Malaysia
43400 UPM Serdang, Selangor
NO.TEL. : +603 – 89471245/1249/1628
NO. FAKS : +603 – 89451596
EMEL: dir.rmc@upm.my